



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 18

11hb September 2006

*TAMBAHAN No. 94
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 336.

AKTA JUALAN DADAH 1952

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK
(PINDAAN) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 26(1) Akta Jualan Dadah 1952 [Akta 368], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik (Pindaan) 2006**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 11 September 2006.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [P.U. (A) 223/1984], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan menggantikan takrif "keluaran" dengan takrif yang berikut:

‘ “keluaran” ertinya—

(a) dadah dalam unit sukatan atau selainnya, untuk digunakan keseluruhnya atau terutamanya dengan memberikan kepada seorang atau lebih manusia atau haiwan bagi maksud pen-

gubatan;

(b) dadah yang digunakan sebagai suatu bahan dalam persediaan bagi maksud pengubatan; atau

(c) kosmetik;’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “kosmetik” takrif yang berikut:

‘ “label” ertinya suatu paparan maklumat, tanda atau ciri keselamatan—

(a) yang mengiringi sesuatu keluaran; atau

(b) di atas atau terlekat pada sesuatu bekas dan bungkusan berhubung dengan sesuatu keluaran;’;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “lesen” takrif yang berikut:

‘ “memberi”, berhubung dengan apa-apa keluaran, ertinya—

(a) memberikan atau menyapukan kepada seseorang manusia atau haiwan, sama ada melalui mulut, suntikan atau dengan dimasukkan ke dalam badan dengan apa cara yang lain atau dengan disapu di luar; dan

(b) memberikan atau menyapukan keluaran itu dalam keadaan sedia ada atau keluaran itu telah dilarutkan atau diselerakkan dalam, atau dilarutkan atau dicampurkan dengan bahan lain yang digunakan sebagai pembawa;’;

(d) dengan menggantikan takrif “memiliki untuk jualan” dengan takrif yang berikut:

‘ “memiliki”, berhubung dengan apa-apa keluaran, termasuklah menyimpan, menstor, memiliki untuk jualan, memiliki untuk bekalan, memiliki untuk pengambilan diri sendiri atau memberikan kepada mana-mana orang atau haiwan atau menyebabkan mana-mana orang memberikan kepadanya;’;

(e) dengan menggantikan takrif “pengamal pergigian” dengan takrif yang berikut:

‘ “pengamal pergigian”, ertinya seseorang yang didaftarkan dan mempunyai perakuan pengamalan tahunan atau perakuan pengamalan sementara yang sah di bawah Akta Pergigian 1971 [Akta 51];’;

(f) dengan menggantikan takrif “pengamal perubatan daftar penuh” dengan takrif yang berikut:

‘ “pengamal perubatan berdaftar penuh” ertinya seseorang yang didaftarkan dan mempunyai perakuan pengamalan tahunan atau

perakuan pengamalan sementara yang sah di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50];’; dan

- (g) dengan memasukkan selepas takrif “pengamal perubatan daftar penuh” takrif yang berikut:

‘ “pengamal veterinar” ertinya seseorang doktor veterinar yang didaftarkan dan mempunyai perakuan pengamalan tahunan atau permit sementara yang sah untuk menjalankan amalan di bawah Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147].’.

Pindaan peraturan 3

3. Peraturan 3(2)(c) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan” dengan perkataan “Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan”.

Pindaan peraturan 7

4. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Larangan terhadap pengilangan, penjualan, pembekalan, pengimportan, pemilikan dan pemberian.”;

- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atau memiliki untuk jualan” dengan perkataan “, memiliki atau memberikan”;

- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subperaturan (1), tiada seseorang pun boleh mengilang, menjual, membekal, mengimport, memiliki atau memberikan apa-apa keluaran—

- (a) yang merupakan suatu campuran keluaran berdaftar dengan bahan yang lain yang bukan dimaksudkan untuk bancuhan semula;
- (b) yang merupakan suatu campuran keluaran berdaftar dengan keluaran berdaftar yang lain;
- (c) yang dilabelkan dengan apa-apa nama tambahan selain nama yang didaftarkan oleh Pihak Berkuasa;
- (d) yang dilabelkan dengan nombor pendaftaran atau nombor penyenaian yang dipunyai oleh keluaran berdaftar tertentu;
- (e) yang dilabelkan dengan apa-apa perkataan, simbol atau huruf yang berupa sebagai benar tetapi adalah sebaliknya;
- (f) yang labelnya tidak mematuhi arahan atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah peraturan 29; atau

(g) yang pendaftarannya telah digantung atau dibatalkan oleh Pihak Berkuasa.

(1B) Tiada seseorang pun boleh memiliki apa-apa maklumat, kenyataan atau dokumen bertulis yang memperihalkan arahan atau kegunaan sesuatu keluaran selain arahan atau kegunaan yang diluluskan dalam pendaftarannya oleh Pihak Berkuasa.”; dan

(d) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Walau apa pun peruntukan lain Peraturan-Peraturan ini—

(a) Pengarah Perkhidmatan Farmasi boleh, atas permohonan dengan suatu fi sebanyak RM100.00, mengeluarkan kebenaran bertulis kepada mana-mana orang yang bukan pemegang pendaftaran keluaran untuk mengimport apa-apa keluaran—

(i) jika dia berpuas hati bahawa keluaran yang tertentu itu adalah sama dalam semua segi seperti suatu keluaran berdaftar; dan

(ii) tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan olehnya.

(b) Tiada seorang pun boleh mengimport—

(i) apa-apa keluaran yang hendak dihimpun, diliputi, dibungkus atau dilabel semata-mata bagi maksud dieksportkan semula keluaran itu; atau

(ii) apa-apa kosmetik bagi tujuan menilai penerimaan pasaran;

melainkan orang itu telah dikeluarkan satu kebenaran bertulis oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan olehnya.”.

Pindaan peraturan 8

5. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan itu dipinda—

(a) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “makmal” dengan perkataan “atau apa-apa penilaian”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (8) dengan subperaturan yang berikut:

“(8) Apabila didaftarkan sesuatu keluaran, Pihak Berkuasa hendaklah memberitahu pemegang pendaftaran keluaran dan memberi

suatu nombor pendaftaran keluaran atau nombor penyenaian keluaran pada setiap keluaran berdaftar.”.

Pindaan peraturan 9

6. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan 2—

(i) dalam perenggan (d) dengan memotong perkataan “perakuan”; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

“(e) nombor pendaftaran keluaran atau nombor penyenaian keluaran”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Sesuatu perakuan yang dikeluarkan oleh Setiausaha atau pegawai yang bertanggungjawab bagi pendaftaran apa-apa keluaran hendaklah menjadi keterangan prima facie mengenai fakta yang dinyatakan.”.

Penggantian peraturan 11

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 11 dengan peraturan yang berikut:

“Penolakan, penggantungan atau pembatalan

11. (1) Pihak Berkuasa boleh, pada bila-bila masa dan tanpa memberi apa-apa sebab, menolak, menggantung atau membatalkan pendaftaran apa-apa keluaran dan boleh meminda syarat-syarat pendaftaran itu.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (3), apa-apa penggantungan atau pembatalan pendaftaran apa-apa keluaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dengan cara yang serupa dan pada masa yang sama menjejaskan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini yang berhubungan dengan keluaran itu.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), jika suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini berkaitan dengan beberapa keluaran berdaftar, penggantungan atau pembatalan pendaftaran apa-apa keluaran di bawah subperaturan (1) tidak menjejaskan kedudukan keluaran berdaftar lain yang disenaraikan dalam lesen itu.”.

Pindaan peraturan 12

8. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa” dengan perkataan “Pengaruh Perkhidmatan Farmasi”; dan

- (b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa” dengan perkataan “Pengarah Perkhidmatan Farmasi”.

Pindaan peraturan 13

9. Subperaturan 13(1), (3) dan (4) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa” dengan perkataan “Pengarah Perkhidmatan Farmasi”.

Pindaan peraturan 14

10. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa” dan perkataan “ia” masing-masing dengan perkataan “Pengarah Perkhidmatan Farmasi” dan “dia”.

Pindaan peraturan 15

11. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), (4) dan (5), dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa” dengan perkataan “Pengarah Perkhidmatan Farmasi”;
- (b) dalam subperaturan (2)—
- (i) dengan memotong perkataan “, atau melakukan apa-apa perbuatan termasuk dalam takrif “mengilang” yang perlu untuk mendispensa,”;
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “rawatan perubatan” perkataan “pesakit atau haiwan tertentu”; dan
 - (iii) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “pengamal pergigian” perkataan “atau pengamal veterinar”.
- (c) dalam subperaturan (6), dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa” dengan perkataan “Pengarah Perkhidmatan Farmasi”.

Pindaan peraturan 16

12. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa” dengan perkataan “Pengarah Perkhidmatan Farmasi”.

Pindaan peraturan 17

13. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:
- “Pembatalan lesen.”; dan
- (b) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang beri-

kut:

“(1) Pengarah Perkhidmatan Farmasi boleh, pada bila-bila masa dan tanpa memberi apa-apa sebab, membatalkan apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan boleh meminda syarat-syarat lesen itu.”.

Pindaan peraturan 18

14. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Pihak Berkuasa” perkataan “atau Pengarah Perkhidmatan Farmasi”.

Pindaan peraturan 26

15. Subperaturan 26(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Mana-mana” dengan perkataan “Bagi maksud menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini, mana-mana”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “pembekalan” perkataan “, pemilikan, pemberian”.

Pindaan peraturan 28

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 28 dengan peraturan yang berikut:

“28. Pemegang pendaftaran keluaran atau mana-mana orang yang memiliki apa-apa keluaran berdaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengarah Perkhidmatan Farmasi mengenai apa-apa tindak balas berlawanan yang timbul akibat daripada penggunaan keluaran berdaftar itu.”.

Pindaan peraturan 29

17. Peraturan 29 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Pengarah Perkhidmatan Farmasi boleh mengeluarkan arahan atau garis panduan bertulis kepada mana-mana orang atau kumpulan orang sebagaimana difikirkannya perlu untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini dengan lebih baik lagi dan khususnya berhubung dengan—

- (a) kualiti, keselamatan dan keberkesanan keluaran;
- (b) pelabelan;

- (c) pertukaran butir-butir sesuatu keluaran;
 - (d) pertukaran lesen;
 - (e) pengilangan;
 - (f) penstoran termasuk kehendak-kehendak mengenai bekas;
 - (g) peruncitan;
 - (h) promosi jualan termasuk maklumat keluaran;
 - (i) panggilan balik keluaran;
 - (j) pelupusan keluaran;
 - (k) kos panggilan balik keluaran atau pelupusan keluaran;
 - (l) percubaan klinikal; atau
 - (m) rekod dan statistik mengenai pengilangan, penjualan, pembekalan, pengimportan atau pengeksporan apa-apa keluaran.”.
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “arahan” dengan perkataan “arahan atau garis panduan”.

Pindaan Jadual

18. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong Borang 1; dan
- (b) dalam Borang 2, 3, 4 dan 5, dengan menggantikan perkataan “Pengerusi, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah” dengan perkataan “Pengaruh Perkhidmatan Farmasi”.

Dibuat 7 Ogos 2006

[KK(R) 608(13/2) Bhg.; PN(PU²)269A/III]

DATO' CHUA SOI LEK
Menteri Kesihatan

SALE OF DRUGS ACT 1952

CONTROL OF DRUGS AND COSMETICS (AMENDMENT) REGULATIONS 2006

IN exercise of the powers conferred by subsection 26(1) of the Sale of Drugs Act 1952 [Act 368], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Drugs and Cosmetics (Amendment) Regulations 2006**.

(2) These Regulations come into operation on 11 September 2006.

Amendment of regulation 2

2. The Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984 [P.U. (A) 223/1984], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(a) by substituting for the definition of “product” the following definition:

‘ “product” means—

- (a) a drug in a dosage unit or otherwise, for use wholly or mainly by being administered to one or more human beings or animals for a medicinal purpose;
- (b) a drug to be used as an ingredient of a preparation for a medicinal purpose; or
- (c) a cosmetic;’;

(b) by inserting after the definition of “indigenous medicine” the following definition:

‘ “label” means a display of information, safety marks or features—

- (a) accompanying a product; or
- (b) on or attached to a container and package in relation to a product;’;

(c) by inserting before the definition of “Authority” the following definition:

‘ “administer”, in relation to any product, means—

- (a) give or apply to a human being or an animal, whether orally, by injection or by introduction into the body in any other way or by external application; and
- (b) give or apply it either in existing state or it has been dissolved or dispersed in, or diluted or mixed with, some other substance used as a vehicle;’;

(d) by substituting for the definition of “possess for sale” the following definition:

‘ “possess”, in relation to any product, includes keeping, storing,

possessing for sale, possessing of or supply, possessing for self administration or administering to any person or animal or causing any person to administer to him;’;

- (e) by substituting for the definition of “dental practitioner” the following definition:

‘ “dental practitioner” means a person registered and having a valid annual or temporary practising certificate under the Dental Act 1971 [Act 51];’;

- (f) by substituting for the definition of “fully registered medical practitioner” the following definition:

‘ “fully registered medical practitioner” means a person registered and having a valid annual or temporary practising certificate under the Medical Act 1971 [Act 50];’; and

- (g) by inserting after the definition of “traditional medicine” the following definition:

‘ “veterinary practitioner” means a veterinary surgeon registered and having a valid annual practising certificate or temporary permit to practise under the Veterinary Surgeons Act 1974 [Act 147].’.

Amendment of regulation 3

3. Paragraph 3(2)(c) of the principal Regulations is amended by substituting for the word “Laboratory” the word “Bureau”.

Amendment of regulation 7

4. Regulation 7 of the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for the marginal note the following marginal note:

“Prohibition against manufacture, sale, supply, importation, possession and administration.”;

- (b) in subregulation (1), by substituting for the words “or possess for sale” the words “, possess or administer”;

- (c) by inserting after subregulation (1) the following subregulations:

“(1A) Notwithstanding subregulation (1), no person shall manufacture, sell, supply, import, possess or administer any product—

- (a) which is a mixture of a registered product with another substance that is not intended for reconstitution;

- (b) which is a mixture of a registered product with another

registered product;

- (c) which is labelled with an additional name other than the name registered by the Authority;
- (d) which is labelled with a registration number or listing number which belongs to a particular registered product;
- (e) which is labelled with any words, symbols or letters purporting to be true but which is otherwise;
- (f) whose label is not complying to the directives or guidelines issued under regulation 29; or
- (g) the registration of which has been suspended or cancelled by the Authority.

(1B) No person shall possess any written information, statement or document which describes the indication or use of a product other than the indication or use as approved in its registration by the Authority.”; and

(d) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Notwithstanding any other provisions of these Regulations—

- (a) the Director of Pharmaceutical Services may, on application with a fee of RM100.00, issue a written approval to any person who is not the product registration holder to import any product—
 - (i) where he is satisfied that the particular product is in all respects the same as a registered product; and
 - (ii) subject to the terms and conditions as he may impose.
- (b) No person shall import—
 - (i) any product to be assembled, enclosed, packed or labelled for the sole purpose of re-exporting the product; or
 - (ii) any cosmetics for the purpose of assessing the market acceptance;

unless the person is issued with a written approval by the Director of Pharmaceutical Services, subject to the terms and conditions as he may impose.”.

Amendment of regulation 8

5. Regulation 8 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (3), by substituting for the word “laboratory” the words “any evaluation or”; and
- (b) by substituting for subregulation (8) the following subregulation:

“(8) Upon registration of a product, the Authority shall notify the product registration holder and assign a product registration number or a product listing number to each registered product.”.

Amendment of regulation 9

6. Regulation 9 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (2)—

(i) in paragraph (d) by deleting the word “certificate”; and

(ii) by substituting for paragraph (e) the following paragraph:

“(e) product registration number or product listing number”;
and

(b) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(4) A certificate issued by the Secretary or the officer who is responsible for the registration of any product shall be prima facie evidence of the facts stated.”.

Substitution of regulation 11

7. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 11 the following regulation:

“
Rejection,
suspension or
cancellation

11. (1) The Authority may, at any time and without assigning any reason, reject, suspend or cancel the registration of any product and may amend the conditions to which such registration is subject.

(2) Subject to subregulation (3), any suspension or cancellation of the registration of any product under subregulation (1) shall similarly and at the same time affect any licence issued under these Regulations relating to that product.

(3) Notwithstanding subregulation (2), where a licence issued under these Regulations relates to several registered products, the suspension or cancellation of the registration of any product under subregulation (1) shall not affect the position of other registered products listed in the licence.”.

Amendment of regulation 12

8. Regulation 12 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the word “Authority” and the word “it” appearing before the words “may impose” the words “Director of Pharmaceutical Services” and the word “he” respectively; and

- (b) in subregulation (3), by substituting for the word “Authority” the words “Director of Pharmaceutical Services”.

Amendment of regulation 13

9. Subregulations 13(1), (3) and (4) of the principal Regulations are amended by substituting for the word “Authority” the words “Director of Pharmaceutical Services”.

Amendment of regulation 14

10. Regulation 14 of the principal Regulations is amended by substituting for the word “Authority” and the word “it” the words “Director of Pharmaceutical Services” and the word “he” respectively.

Amendment of regulation 15

11. Regulation 15 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulations (1), (4) and (5), by substituting for the word “Authority” the words “Director of Pharmaceutical Services”;
- (b) in subregulation (2)—
- (i) by deleting the words “, or the doing of any act falling within the definition of “manufacture” which is necessary for the dispensing,”;
 - (ii) by inserting after the words “medical treatment” the words “of a particular patient or animal”; and
 - (iii) in paragraph (c), by inserting after the words “dental practitioner” the words “or a veterinary practitioner”; and
- (c) in subregulation (6), by substituting for the word “Authority” and the word “it” the words “Director of Pharmaceutical Services” and the word “he” respectively.

Amendment of regulation 16

12. Regulation 16 of the principal Regulations is amended by substituting for the word “Authority” the words “Director of Pharmaceutical Services”.

Amendment of regulation 17

13. Regulation 17 of the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for the marginal note the following marginal note:
“Revocation of licence.”; and
- (b) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) The Director of Pharmaceutical Services may, at any time and without assigning any reason, revoke any licence issued

under these Regulations and may amend the conditions to which such licence is subject.”.

Amendment of regulation 18

14. Regulation 18 of the principal Regulations is amended by inserting after the word “Authority” the words “or the Director of Pharmaceutical Services”.

Amendment of regulation 26

15. Subregulation 26(1) of the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for the word “Any” the words “For purposes of investigating the commission of any offence under these Regulations, any”; and
- (b) by inserting after the word “supply” the words “, possess, administer”.

Amendment of regulation 28

16. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 28 the following regulation:

“28. The product registration holder or any person who possesses any registered product shall inform immediately the Director of Pharmaceutical Services of any adverse reactions arising from the use of the registered product.”.

Amendment of regulation 29

17. Regulation 29 of the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) The Director of Pharmaceutical Services may issue written directives or guidelines to any person or a group of persons as he thinks necessary for the better carrying out of the provisions of these Regulations and which in particular relate to—

- (a) product quality, safety and efficacy;
- (b) labelling;
- (c) change of particulars of a product;
- (d) transfer of licences;
- (e) manufacturing;
- (f) storage includes requirements as to containers;
- (g) retailing;

- (h) promotion of sale including product information;
 - (i) product recall;
 - (j) product disposal;
 - (k) the cost of product recall or product disposal;
 - (l) clinical trials; or
 - (m) records and statistics pertaining to manufacture, sale, supply, import or export of any products.”.
- (b) in subregulation (2), by substituting for the word “directions” the words “directives or guidelines”.

Amendment of Schedule

18. The Schedule to the principal Regulations is amended—
- (a) by deleting Form 1; and
 - (b) in Forms 2, 3, 4 and 5, by substituting for the words “Chairman, Drug Control Authority” the words “Director of Pharmaceutical Services”.

Made 7 August 2006
[KK(R) 608(13/2) Bhg.; PN(PU²)269A/III]

DATO' CHUA SOI LEK
Minister of Health

P.U. (A) 337.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK KELAPA SAWIT) (No. 37) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Kelapa Sawit) (No. 37) 2006** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 11 September 2006 hingga 17 September 2006.

Pemungutan dan Pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [P.U. (A) 15/96], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut

unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (PALM OIL) (NO. 37) ORDER 2006

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Palm Oil) (No. 37) Order 2006** and shall have effect for the period from 11 September 2006 to 17 September 2006.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1996 [P.U. (A) 15/96], the value of each of dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be the value specified in column (4) of the said Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	Subkepala (Subheading)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
Crude Palm Oil	1511.10 000	tonne	RM1,578.33

Dibuat 8 September 2006

Made 8 September 2006

[KE. HT (34.11) 819/03-6/kl. 5(73); Perb. (8.20) 116/1-4;
PN(PU²)338/VIII/kl. 5]

Dengan arahan Menteri Kewangan.
By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/
On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATUK AZIYAH BINTI BHAUDDIN
Setiausaha
Bahagian Analisa Cukai

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA